



**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**Pengurusan Lean Ionjak produktiviti PKS**

Shah Alam, 14 Mei 2018 . Selari dengan pelaksanaan Blueprint Produktiviti Malaysia yang menyasarkan pertumbuhan minimum produktiviti buruh pada kadar 3.7 %, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bekerjasama dengan SME Corp telah berjaya menganjurkan Creanova Lean pada hari ini.

Program Creanova ini merupakan sesi perkongsian amalan terbaik projek-projek pengurusan Lean yang telah dilaksanakan oleh syarikat PKS yang memberi impak besar terhadap organisasi masing - masing. Projek-projek ini dipilih dan dipertandingkan serta diberi penghargaan oleh MPC. Pada tahun ini, sebanyak 14 syarikat di bawah Program Pembangunan Vendor dan Program Transformasi Lean untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PTL-PKS) akan membuat persembahan tentang projek pengurusan lean yang dilaksanakan di syarikat masing-masing.

Sistem pengurusan Lean menumpukan kepada pengurusan pembaziran yang akan menambahbaik kaedah, prosedur serta cara kerja sehari-hari, sekali gus memberi impak positif kepada produk dan perkhidmatan serta mempercepatkan proses penyampaian yang memenuhi kehendak pelanggan. Selain itu, pengurusan operasi syarikat dan organisasi dapat dilaksanakan dengan sumber dan kos yang minimum.

Pada tahun 2017, sebanyak 59 syarikat PKS telah terlibat di dalam Program PTL-PKS. Penjimatan kos merupakan salah satu impak yang diperolehi oleh syarikat-syarikat yang menyertai PTL-PKS. Bagi tahun 2017, penjimatan kos keseluruhan adalah berjumlah RM13.3 juta di mana sektor Pembuatan mencatat penjimatan berjumlah RM9.7 juta manakala penjimatan oleh sektor perkhidmatan berjumlah RM3.6 juta.

Program PTL-PKS yang dijalankan juga menghasilkan penjimatan tenaga kerja dimana 75 tenaga kerja dapat dijimatkan iaitu 56 orang bagi sektor pembuatan dan 19 orang bagi sektor perkhidmatan. Pengurangan tenaga kerja berlaku disebabkan oleh

penghapusan pembaziran dalam proses dan *line balancing* yang dilaksanakan dalam proses penambahbaikan.

Pengurangan juga berlaku bagi aktiviti-aktiviti dalam aliran proses kerja di mana pada keseluruhanya sebanyak 108 aktiviti telah dihapuskan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 80 aktiviti adalah dalam sektor pembuatan dan 28 aktiviti dalam sektor perkhidmatan. Aktiviti ini dapat dikurangkan kerana aktiviti yang tidak memberi nilai tambah dan proses yang tidak diperlukan (pembaziran) telah dibersihkan dalam aliran proses pengeluaran produk dan perkhidmatan.

Ketua Pengarah MPC, Datoq Mohd Razali Hussain telah menyempurnakan upacara Penyampaian Anugerah dan Penghargaan kepada pemenang.

**-Tamat-**

**Mengenai Perbadanan Produktiviti Malaysia(MPC):**

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ialah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MPC menjalankan aktiviti bagi peningkatan produktiviti, kualiti dan daya saing. Visi utama MPC ialah menjadi peneraju dalam meningkatkan produktiviti ke arah daya saing global yang kompetitif dan berinovasi.

---

Pertanyaan Media : **Vimala Muniandy Tel: 012 2435208, ; e-mel vimala@mpc.gov.my**

---